

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN**  
**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 [RABU]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dan kerjasama yang dijalankan dengan syarikat e-hailing kenderaan dalam menangani isu peminjaman atau penyewaan identiti (ID) kepada individu lain yang boleh menimbulkan risiko kepada pengguna seperti perlakuan jenayah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan e-hailing merupakan suatu perkhidmatan mengambil/menghantar penumpang yang tempahannya dibuat melalui padanan aplikasi yang terdekat melibatkan suatu kadar tambang yang dipersetujui antara penumpang dan pemandu. Model operasi perkhidmatan e-hailing adalah berbeza dengan mod perkhidmatan kenderaan awam yang lain dan ianya dikawalselia melalui syarat-syarat pelesenan yang dikenakan kepada syarikat dan pemandu yang berdaftar sesuai dengan keperluan ekonomi gig pada masa kini tanpa melepaskan tanggungjawab supaya perkhidmatan yang disediakan adalah selamat kepada pengguna.

Dalam menyediakan perkhidmatan e-hailing, pemandu hendaklah memuat turun aplikasi e-hailing melalui telefon pintar masing-masing dengan menyertakan butiran peribadi kepada penyedia aplikasi e-hailing berkaitan. Penyedia aplikasi akan menyimpan rekod peribadi pemandu yang berdaftar dan akan mengaktifkan akaun tempahan kepada pemandu yang layak. Setiap pemandu hanya boleh daftar satu akaun tempahan sahaja dengan satu-satu penyedia aplikasi.

Maklumat kenderaan perlu didaftarkan kepada penyedia aplikasi bagi merekodkan maklumat pemilikan kenderaan dan penyedia aplikasi akan mendaftarkan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi mendapatkan e-Hailing Vehicle Permit (eVP) seterusnya diintegrasikan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pemandu pula mestilah mempunyai lesen memandu Perkhidmatan Kenderaan Awam (PSV) semasa beroperasi sebagai kenderaan e-hailing. Penguatkuasaan berterusan merupakan elemen yang sangat penting bagi memantau operasi e-hailing mengikut syarat lesen yang telah ditetapkan.

## **SOALAN NO. 41**

Sekiranya penyedia aplikasi e-hailing gagal mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan, tindakan boleh dikenakan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM1,000 tetapi tidak lebih daripada RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.